

Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong - Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas II dan keatas sahaja dan Kategori Kerja KPB01 bagi:

[i] Nama Projek : TAWARAN SEMULA KERJA-KERJA PENYELIDIKAN TANAH BAGI CADANGAN PEMBINAAN DI PERUMAHAN NEGARA KG. LUGU, FASA 2B, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

[ii] Bil. Projek : JKP / 07 / 2026

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapati dengan menghantar e-mail kepada tender.jkp@hdd.gov.bn.

Tarikh Buka Tawaran : 13hb Mei 2026 (Hari Rabu)

Tarikh Tutup Tawaran : 02hb Jun 2026 (Hari Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup : Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran : B\$30.00 [Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen : B\$5.00 [Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]

Waktu Pembayaran Yuran Tawaran dan Yuran E-Dokumen:

Pembayaran melalui One Common Billing System (OCBS).

Pembayaran melalui kaunter :

Bulan Biasa:

Isnin – Khamis : 8.00 Pagi - 3.00 Petang

Sabtu : 8.00 Pagi - 10.00 Pagi

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Pemborong / Syarikat yang berhasrat mengikuti tawaran perlulah mengikuti Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure) yang boleh dimuat turun dari laman sesawang www.housing.gov.bn.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
3. Tawaran ditutup pada hari **Selasa, 02hb Jun 2026, tidak lewat jam 2.00 petang**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang tertutup rapi [sealed] dengan menyatakan Tajuk dan No. Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.
5. Dokumen-dokumen tawaran serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dengan menghantar e-mail kepada tender.jkp@hdd.gov.bn. Tarikh **akhir mengambil dokumen dan lukisan tawaran adalah tidak lewat daripada 27hb Mei 2026, Hari Rabu, Jam 3.00 petang**.
6. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap Pemborong dikehendaki untuk membawa dokumen yang menunjukkan bahawa Pemborong adalah berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan dan menepati syarat-syarat untuk mengikuti tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
9. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh **180 hari** dari tarikh akhir menghantar tawaran.
10. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan: LTN/4(39/1997).
11. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh Syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Syarikat dan Kad Pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.